



Terbit pada Sabtu
minggu pertama setiap bulan

Berita Sawit

MPOB Menjadi Perubuhan Industri Sawit

BH
Berita Harian

Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem ketika merasmikan Persidangan Pekebun Kecil dan Usahawan Komoditi Kebangsaan 2015. Turut kelihatan Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang dan Datuk Amar Douglas Uggah Embas. (kiri)



Delegasi Iran lawat MPOB dapatkan maklumat sawit

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

Bangi: Iran yang pernah menjadi antara negara pengimport utama minyak sawit Malaysia satu masa dahulu kini mula menunjukkan keinginan meningkatkan kembali pembelian komoditi itu.

Delegasi seramai tujuh Ahli Parlimen Iran, diketuai oleh Ketua Suruhanjaya Pendidikan dan Penyelidikan Parlimen Iran, Mohammad Mahdi Zahedi, mengadakan lawatan ke Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di sini baru-baru ini.

Delegasi ini disambut oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas; Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk Himmat Singh; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May serta pegawai kanan MPIC dan MPOB.

Satu perbincangan telah diadakan dan rombongan Ahli Parlimen Iran diberi taklimat berkenaan nilai pemakanan minyak sawit termasuk kestabilan oksidatif

Lihat Muka 3



“ pihak kementerian akan menghantar delegasi ke Iran untuk menerangkan secara lebih terperinci kebaikan minyak sawit dan memperbetulkan salah tanggapan berhubung minyak sawit yang didakwa tinggi dari segi kandungan lemak”

Douglas Uggah Embas,
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Sektor pekebun kecil komoditi dimajukan

» Kerajaan komited bantu tingkat produktiviti, pendapatan

Oleh Mohd Saufi Awang
saufti@mpob.gov.my

Kuching

Kemajuan pesat industri komoditi di Sarawak telah menyumbang kepada kemajuan ekonomi negeri dan nilai eksport sektor komoditi sebanyak RM8,767.9 juta daripada jumlah eksport negara sebanyak RM116.6 bilion pada tahun 2014.

Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem, berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Pekebun Kecil dan Usahawan Komoditi Kebangsaan 2015 di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCKK) anjuran bersama Kementerian Perusahaan Perladangan dan Ko-

moditi (MPIC) dan Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak (MOMA).

Penganjuran persidangan yang bertema ‘Ke Arah Meningkatkan Produktiviti dan Pendapatan’ bertujuan menyebarkan maklumat perkembangan dan kemajuan terkini sektor komoditi terutama kepada pekebun kecil tanaman komoditi.

Lebih 5,000 pekebun kecil mewakili pelbagai sektor komoditi seperti sawit, getah, kayu-kayuan, koko, lada, kenaf dan sagu hadir pada persidangan itu.

Adenan berkata, penganjuran persidangan pekebun kecil komoditi secara tidak langsung akan dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat terutama pekebun kecil, para belia dan usahawan komoditi berhubung inovasi dalam sektor komoditi serta pelbagai kemudahan serta bantuan yang disediakan oleh Kerajaan.

Katanya, pekebun kecil berjumlah 153,220 orang yang terbabit dalam perusahaan tanaman komoditi di Sarawak memberi sumbangan signifikan kepada pengeluaran keseluruhan sektor komoditi negara.

“Negeri Sarawak kini menjadi negeri kedua terbesar dari segi keluasan tanaman sawit iaitu 1.26 juta hektar atau 23.4 peratus daripada keseluruhan keluasan 5.4 juta hektar kawasan tanaman sawit negara.

Potensi besar berkembang maju

Katanya, Sarawak memiliki potensi besar untuk terus berkembang maju kerana mempunyai sumber alam dan tanah pertanian yang luas untuk dimajukan dengan tanaman komoditi bagi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat.

Adenan menegaskan kerajaan komited untuk terus memperkukuhkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi

negeri Sarawak demi meningkatkan pendapatan dan taraf sosio ekonomi rakyat termasuk pengusaha industri berasaskan komoditi.

Dalam hal ini, semua pihak termasuk pekebun kecil perlu memberi sokongan kepada kerajaan negeri bagi melaksanakan program pembangunan khususnya di luar bandar yang membabitkan pembangunan sektor berasaskan pertanian dan komoditi.

Timbalan Ketua Menteri Sarawak merangkap Menteri Pemodenan Pertanian Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang dalam ucapannya berkata, kemajuan sektor pertanian dan komoditi di negeri Sarawak membabitkan kerjasama dan pembabitkan agensi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri yang akan merangsang pembangunan luar bandar.

Dalam ucapan aluannya, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, berkata kementerian persekutuan dan negeri terus bekerjasama erat melalui strategi lautan biru yang menunjukkan kejayaan dalam memajukan sektor komoditi bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

Yang turut hadir pada majlis perasmian persidangan berkenaan ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Himmat Singh, Ketua Pengarah Agensi dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis di bawah MPIC.

Lautan Biru atau Lautan Merah

Industri sawit kini menghadapi banyak cabaran, antaranya harga minyak sawit rendah, kekurangan tenaga kerja, kekurangan tanah, produktiviti rendah, isu kemampanan dan isu pemakanan. Dengan cabaran-cabaran yang begitu banyak, adakah industri di negara ini menuju dari lautan biru menghala ke lautan merah? Adakah usaha syarikat-syarikat perladangan sawit kita menerokai ladang-ladang baru di Indonesia, Papua New Guinea dan Afrika merupakan strategi lautan biru mereka?

Dalam keadaan sebegini, peranan penyelidikan dan pembangunan (R&D) adalah amat penting bagi memastikan industri sawit negara kekal sebagai lautan biru. R&D dapat menghasilkan produk-produk sawit baru seperti biodiesel, produk oleokimia dan produk-produk makanan yang meningkatkan permintaan minyak sawit dan seterusnya mengukuhkan harga minyak sawit. Melalui R&D juga kita akan dapat meningkatkan produktiviti melalui pengeluaran baka bahan-bahan tanaman yang berhasil tinggi, menangani penyakit-penyakit sawit serta pelaksanaan Amalan Pertanian yang Baik. R&D dalam bidang mekanisasi dapat mengurangkan ketergantungan kepada tenaga buruh, manakala R&D dalam bidang pemakanan dapat meyakinkan dunia mengenai kebaikan dan khasiat minyak sawit sebagai produk makanan.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) adalah institusi yang diamanahkan oleh negara untuk menjalankan R&D bagi menjamin kesejahteraan industri sawit negara. Semua R&D yang dijalankan oleh para saintis MPOB disemak dan dinilai oleh Jawatankuasa Penasihat Program (Program Advisory Committee - PAC) yang terdiri dari pakar-pakar dalam dan luar negara termasuk daripada industri sawit. Ini akan memastikan bahawa setiap R&D yang dijalankan adalah sah, relevan dan seiring dengan kehendak industri. Pada tahun ini, PAC dijadualkan dari 13 hingga 17 April 2015. Sempena ini, satu seminar percuma akan diadakan pada 16 April 2015 di Ibu Pejabat MPOB, Bandar Baru Bangi. Semua yang terlibat dalam industri sawit negara adalah dijemput berdaftar untuk mendengar pakar-pakar antarabangsa ini memberi pendapat mereka mengenai topik-topik yang menarik berkenaan industri sawit. Sebanyak tujuh (7) kertas kerja yang disenaraikan untuk memberi perbandingan terkini dalam industri sawit.

MPOB juga akan melancarkan teknologi-teknologi baru hasil R&D pada 9 Jun 2015 di Seminar Pemindahan Teknologi MPOB 2015. Seminar ini bertujuan mempamerkan hasil R&D MPOB yang baru untuk diguna pakai dan dikomersialkan oleh industri sawit negara.

Di samping itu, pada 6 hingga 8 Oktober 2015, MPOB International Palm Oil Congress (PIPOC) 2015 akan diadakan di mana perkembangan terbaru teknologi dan inovasi dunia sawit dibincangkan. PIPOC 2015 dengan tema Oil Palm: Powering the World, Sustaining the Future akan berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur yang menyediakan platform untuk perbincangan isu-isu terkini industri sawit global.

MPOB sentiasa berusaha untuk menyebarkan maklumat terkini mengenai hasil R&D bagi membawa industri sawit negara ke paras yang lebih tinggi. Dengan fokus yang berterusan terhadap R&D, saya percaya bahawa industri sawit negara akan tetap menjadi lautan biru bagi selama-lamanya.



MINDA
Datuk Dr Choo
Yuen May

Ketua Pengarah
MPOB

Iran, Malaysia bincang isu industri sawit

» Delegasi diberi
taklimat
menyeluruh
aspek
pemakanan
minyak sawit

Oleh Dr Nagendran Balasundram
dan Hisham Hussain
nagen@mpob.gov.my,
hishamhussain@mpob.gov.my

► Bangi

Tujuh ahli Parlimen Iran yang diketuai Ketua Suruhanjaya Pendidikan dan Penyelidikan Parlimen Iran, Mohammad Mahdi Zahedi, mengadakan lawatan rasmi ke Ibu Pejabat MPOB di sini, baru-baru ini.

Perbincangan dua hala berkaitan isu industri sawit di antara Malaysia dan Iran turut diadakan bersama Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Turut serta ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk Himmatt Singh, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May serta pegawai kanan MPIC dan MPOB.

Sempena kunjungan itu, taklimat secara menyeluruh mengenai aspek pemakanan minyak sawit disampaikan.

Pelbagai kajian pemakanan

Taklimat berkenaan menjelaskan pelbagai kajian pemakanan yang telah dijalankan di dalam dan luar negara seperti di Belanda, Australia, India, China dan Malaysia membuktikan bahawa minyak sawit tidak menaikkan paras kolesterol dalam darah.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas menyampaikan **cenderamata produk berasaskan sawit kepada Mohammad Mahdi Zahedi**. Turut serta Datuk Himmatt Singh dan Datuk Dr Choo Yuen May.

Kajian yang dijalankan juga merumuskan bahawa minyak sawit olein bertapis mempunyai kesan positif dalam mengawal paras kolesterol dalam darah berikutan kandungan asid lemak mono tidak tepu yang setanding dengan minyak zaitun, kanola, bunga matahari dan kacang tanah.

Para saintis berpendapat kesan penurunan kolesterol di dalam darah adalah disebabkan oleh struktur tri-gliserida dalam minyak sawit yang mempunyai struktur tri-gliserida yang sama berbanding minyak sayuran lain yang mempunyai asid lemak tidak tepu yang kebanyakannya ialah asid oleik pada kedudukan tengah (sn-2).

Delegasi Ahli Parlimen Iran itu juga diberi penjelasan yang mendalam berkaitan kestabilan oksidatif minyak sawit yang jauh lebih tinggi daripada minyak soya dan minyak kanola.

Kajian yang dijalankan MPOB menunjukkan minyak sawit olein bertapis mempunyai kestabilan oksidatif sehingga 25 jam pada suhu

180°C berbanding lima jam bagi minyak soya dan tujuh jam bagi minyak bunga matahari.

Kestabilan semula jadi yang dimiliki minyak sawit menjadikannya minyak pilihan utama oleh para pengguna. Di samping itu, minyak sawit juga menjadi pilihan yang lebih sihat dalam penghasilan formulasi lemak pepejal yang bebas asid lemak trans.

Selain itu, taklimat tersebut juga memberi penjelasan berkaitan 'phytonutrient' sawit seperti tokotrienol dan karotena.

Tokotrienol adalah bentuk vitamin E yang mempunyai sifat anti-keradangan, anti-kanser serta hasil kajian menunjukkan ia memberi perlindungan daripada penyakit kardiovaskular, strok dan osteoporosis. Manakala karotena pula adalah provitamin A yang dapat memberi perlindungan daripada penyakit kanser, kardiovaskular dan mata.

Wakil delegasi Iran turut membangkitkan mengenaiimbangan perdagangan di antara Malaysia dan Iran.

Nilai dagangan komoditi capai RM144.8 bilion

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Putrajaya: Sektor komoditi yang meliputi produk sawit, getah, kayu-kayu, koko, lada dan tembakau mencatat peningkatan jumlah nilai dagangan 1.3 peratus kepada RM144.8 bilion pada tahun 2014 berbanding RM143 bilion tahun sebelumnya.

"Sektor komoditi menyumbang sebanyak 10 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2014," kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas ketika berucap pada Majlis Perhimpunan

Bulanan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) Bil. 2/2015 dan Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014.

Imbangan dagangan RM88.3 bilion

"Pada tahun 2014 sektor komoditi kekal sebagai net exporter yang terbesar dengan merekodkan imbangan dagangan RM88.3 bilion berbanding lain-lain sektor," katanya.

Katanya, di sebalik pencapaian yang ditunjukkan, pelbagai cabaran terutama isu penurunan harga getah dan sawit dan perubahan ekonomi dunia yang dikejutkan dengan kejatuhan harga minyak.

"Sudah tentu ini membawa im-

plikasi kepada ekonomi dunia dan Malaysia tidak terkecuali. Oleh itu, saya percaya banyak cabaran yang perlu diatasi pada tahun 2015 dan ruang untuk MPIC memperbaiki lagi usaha bagi meningkatkan eksport komoditi negara", katanya.

Beliau juga menggesa semua pihak berusaha menggembleng tenaga meneruskan kecemerlangan melaksanakan pelbagai aktiviti dirancang sepanjang tahun 2015.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada anggota MPIC yang menunjukkan prestasi cemerlang secara menyeluruh dalam pengurusan dan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Terus penuhi keperluan minyak masak pasaran dunia

» **Yakin pelaburan dalam R&D hasilkan lebih banyak produk untuk keperluan masyarakat**

Oleh **Fadzil Ghazali**
afadzilg@mpob.gov.my

Kuala Lumpur

Aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) minyak sawit dalam penggunaan produk makanan dan bukan makanan akan terus dilaksanakan sejajar dengan usaha negara dalam membekalkan minyak masak dan lemak untuk keperluan dunia.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata kerajaan yakin pelaburan dalam R&D akan menghasilkan lebih banyak produk berasaskan sawit untuk keperluan masyarakat antarabangsa.

"Malaysia akan terus membekal minyak masak berkhasiat ini untuk memenuhi keperluan masyarakat antarabangsa. Kita akan terus melaksanakan aktiviti R&D dalam kegunaan minyak sawit," kata beliau dalam ucapan perasmian Palm and Lauric Oils Conference & Exhibition Price Outlook 2015/2016 (POC2015) di sini baru-baru ini.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Himmat Singh.

Yang turut hadir pada majlis termasuk Menteri Pertanian, Ternakan dan Jaminan Makanan Gabon, Luc Oyoubi; Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia, Dato'



Tajuddin Attan; Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad; dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Galak sektor hiliran

Katanya, di bawah program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), kerajaan menggalakkan pembangunan sektor hiliran sawit, terutamanya pengeluaran nilai tambah barangan berasaskan sawit.

"Ini termasuk pepadanan geran untuk syarikat pengeluaran bahan terbitan oleo. Bagi tempoh 2011 - 2014, sebanyak RM102.22 juta telah dibayar kepada syarikat terbabit daripada jumlah peruntukan RM123.1 juta.

Untuk sektor pengeluaran barangan makanan dan berasaskan kesihatan pula, sejumlah RM50 juta telah diperuntukkan dan dibayar sebagai geran pepadanan untuk tempoh 2011 - 2014.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata pelaburan dalam R&D minyak sawit turut termasuk kerjasama dengan institusi penyelidikan utama luar negara dalam bidang barangan nutra-

seutikal dan farmaseutikal termasuk kesesuaian tokotrienol berasaskan sawit dalam merawat sakit jantung, strok, 'dementia' dan jangkitan pernafasan.

"Kami optimistik pelaburan dalam R&D akan menghasilkan lebih banyak barangan berasaskan sawit untuk kegunaan masyarakat antarabangsa," tambah beliau.

Beliau menegaskan Malaysia akan terus memperkenalkan langkah-langkah untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit di dalam negara dan penurunan stok minyak sawit.

Program biodiesel merupakan antara langkah mempelbagaikan penggunaan minyak sawit dan penurunan stok komoditi ini. Bermula dengan Program B5 pada Jun 2011, kini Malaysia memperkenalkan Program B7 (pengadunan 7 peratus biodiesel sawit bersama 93 peratus diesel petroleum) di seluruh negara pada hujung tahun 2014.

"Pada masa ini, kita sedang mengkaji melaksanakan Program B10 di seluruh negara. Pelaksanaan Program B10 akan memastikan penggunaan 1.2 juta tan minyak sawit setahun. Kita juga

sedang meninjau pelaksanaan program biobahan api untuk sektor lain termasuk industri dan penjaan kuasa," tambah beliau.

Katanya, semua ini akan menyumbang kepada peningkatan penggunaan minyak sawit domestik serta penggunaan sumber tenaga lebih mesra alam dan mampan.

Malaysia juga akan terus mempromosikan penggunaan minyak sawit di pasaran global dengan menyediakan maklumat dan data mengenai kegunaan minyak sawit dalam pelbagai aplikasi serta bekerjasama dengan institusi penyelidikan di negara pengimport minyak masak dan lemak.

Sejajar dengan ini, kerajaan menubuhkan Institut Penyelidikan dan Teknikal Minyak Sawit (PORTSIM) di China untuk menyediakan bantuan teknikal dan saintifik dalam usaha mempromosikan kegunaan minyak sawit. Sebuah lagi PORTSIM di India sedang ditubuhkan untuk tujuan yang sama bagi memenuhi keperluan pasaran di negara itu.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas juga berkata kejayaan industri minyak sawit negara turut mengundang pelbagai tohmahan daripada badan kerajaan (NGO) dengan tuduhan mengatankan pembangunan industri itu tidak mampan.

"Kita sememangnya tidak bersejua dengan pandangan sedemikian dan pelbagai usaha dilaksanakan untuk menyangkal persepsi salah ini. Saya ingin tekankan bahawa Malaysia menggalakkan industri ini patuh kepada amalan mampan yang memberi penekanan seimbang dalam melindungi alam sekitar.

"Sebenarnya industri sawit adalah tertakluk kepada lebih 50 undang-undang dan peraturan meliputi pembangunan dan pengeluaran dan ini telah membantu industri sawit negara berada di landasan yang betul, kata Datuk Amar Douglas Uggah Embas lagi.

Penerangan terperinci kebaikan minyak sawit

Dari muka 1

minyak sawit yang tinggi; kemampuan kandungan fitonutrien sawit melindungi terhadap penyakit kardiovaskular, strok dan kanser.

Bercakap selepas perbincangan bersama rombongan Ahli Parlimen Iran, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, pihak Kementerian akan menghantar delegasi ke Iran untuk menerangkan secara lebih terperinci kebaikan minyak sawit dan memperbetulkan salah tanggapan berhubung minyak sawit yang didakwa tinggi dari segi kandungan lemak.

Beliau berkata dengan perbincangan susulan bersama Iran ini, hubungan dua hala antara Iran dan Malaysia dijangka akan menjadi lebih positif dan seterusnya membantu meningkatkan eksport sawit ke Iran yang menurun berikutan salah tanggapan terhadap minyak sawit.

Rombongan lawatan ke Teheran

Rombongan Iran itu juga menjemput Datuk Amar Douglas Uggah Embas membalas lawatan ke Teheran dan seterusnya mengadakan perbincangan bersama Menteri Kesihatan Iran, Hassan Ghazizadeh Hashemi.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata beliau telah mengarahkan MPOB dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) untuk melaksanakan penyelidikan bersama institusi penyelidikan Iran agar negara Islam itu dapat mengetahui fakta sebenar berkaitan minyak sawit.

Usaha banteras kecurian BTS ditingkat

Oleh **Fadzil Ghazali**
afadzilg@mpob.gov.my

Kuching: Kerajaan akan mempertingkatkan usaha membanteras aktiviti menjual/membeli buah tandan segar (BTS) curi.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata tindakan ini perlu agar aktiviti negatif ini tidak berleluasa dan seterusnya menjejaskan

pertumbuhan industri sawit negara.

Sepanjang tahun 2014, sejumlah 309 laporan polis telah dibuat terhadap kecurian BTS di seluruh Sarawak melibatkan kawasan seluas 18,839 hektar.

Layak batal lesen

"Kecurian buah sawit adalah kesalahan berat dan lesen mereka layak dibatalkan bagi membenarkan aktiviti tidak sihat dalam industri sawit," kata beliau dalam kenyataan akhbar yang diedar-

kan baru-baru ini.

Berikutan peningkatan kes kecurian BTS di Sarawak, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melancarkan Ops Sawit Kenyalang pada 1 Julai 2014 dalam usaha membasmi kegiatan tidak sihat dalam industri sawit ini.

Tindakan undang-undang dikenakan ke atas peniaga dan pengilang buah sawit yang membeli daripada pembekal yang terlibat dengan kes kecurian BTS.

Sehingga Disember 2014,

MPOB mengeluarkan 278 kompaun dan 41 surat tunjuk sebab untuk tujuan pengantungan lesen. Daripada jumlah ini, MPOB telah membatalkan 3 lesen peniaga; menggantung 24 lesen; mengenakan 8 kompaun; dan mengeluarkan 6 amaran bertulis.

"Usaha secara bersepadu melibatkan pihak industri, MPOB dan polis amat diperlukan bagi membanteras penjualan BTS secara haram dan pencerobohan tanah," katanya.

Orang ramai perlu didedah dengan maklumat tepat

» Beri kefahaman kepada semua pihak terus sokong usaha majukan industri

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

■ Sungai Besar

Orang ramai terutamanya penduduk luar bandar perlu didedahkan dengan maklumat tepat mengenai kebaikan dan keistimewaan minyak sawit khususnya dari segi kegunaan dan khasiat pemakanan.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah Kasnon berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Jom Bersama MPOB Semarakkan Sawit di Sungai Besar, anjuran Lembaga Minyak Sawit (MPOB) di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir pada majlis berkenaan ialah Ahli Dewan Undangan Sungai Panjang, Budiman Hamzah; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladan-



Dato' Noriah mencuba menggunakan alat pemungut buah relai (roller picker) sambil diperhatikan oleh Datuk Dr Choo Yuen May dan Dr Aminuddin Hassim.

ngan dan Komoditi, Dr Aminuddin Hassim.

Platform hebah maklumat

Katanya, program berkenaan adalah salah satu platform bagi menghebahkan maklumat penting mengenai keistimewaan minyak sawit termasuk produk ke-

sihatan seperti vitamin E.

"Program penerangan oleh pegawai MPOB memberi pendedahan mengenai kegunaan minyak sawit serta khasiat pemakanan.

Katanya, penerangan dan maklumat yang tepat mengenai industri sawit adalah penting bagi memberi kefahaman kepada se-

mua pihak untuk terus menyokong usaha kerajaan memajukan industri sawit.

"Industri sawit memberi sumbangan penting kepada pembangunan ekonomi negara dan peluang pekerjaan kepada penduduk.

"Program penerangan dan interaksi dengan masyarakat dan pengguna akan dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran semua pihak.

Katanya, program seumpama itu juga dapat menyalurkan maklumat tepat mengenai bantuan dan usaha yang dilaksanakan kerajaan bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil.

"Saya yakin maklumat yang disampaikan akan memberi kefahaman kepada pekebun kecil mengenai amalan pertanian baik.

"Pelibatan pekebun kecil untuk bersama arus perdana akan membangunkan sektor pertanian negara.

Katanya, penyertaan semua pihak dalam menyokong usaha ke-

rajaan memajukan industri sawit adalah penting bagi menjana pendapatan sejajar dengan matlamat kerajaan untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

"Sebagai tunggak pertanian, penglibatan pekebun kecil sawit akan memacu kemajuan industri dan menyumbang kepada pembangunan sosio ekonomi negara.

Amalan pertanian baik

Katanya, bagi membantu pekebun kecil sawit meningkatkan pendapatan melalui amalan pertanian baik, kerajaan turut menyediakan bantuan tanam semula dan tanam baru sawit.

"Di bawah program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) sawit, bantuan sebanyak RM7,500 sehektar meliputi bekalan anak benih berkualiti, input pertanian dan khidmat nasihat oleh pegawai TUNAS MPOB disediakan.

"Kementerian melalui MPOB juga menyediakan Skim Diskaun CANTAS kepada penanam sawit dan pekebun kecil dengan peruntukan sebanyak RM5.3 juta.

"Pekebun kecil yang membeli mesin CANTAS untuk penuaian buah sawit akan mendapat bantuan sebanyak RM1,000 seunit," katanya.

Program Jom Bersama MPOB Semarakkan Sawit di Sungai Besar yang julung kali diadakan dihadiri lebih 500 pengunjung yang kebanyakannya pekebun kecil sawit dan penduduk setempat.

Lebih 150 negara import minyak sawit

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Sungai Besar: Lebih 150 negara mengimport minyak sawit untuk kegunaan dalam produk makanan dan bukan makanan kerana keistimewaannya yang pelbagai guna dan kaya dengan khasiat pemakanan.

"Keistimewaan minyak sawit dari aspek pelbagai guna dan nilai pemakanan yang tinggi serta harga yang lebih rendah berbanding minyak lain menimbulkan iri hati kepada pihak pesaing", kata Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah Kasnon ketika menyampaikan ucapan di Program Jom Bersama MPOB Semarakkan Sawit di Sungai Besar.

Katanya, ini terbukti dengan tindakan Persatuan Kacang Soya Amerika Syarikat yang melancarkan kempen Anti Minyak Sawit pada awal tahun 1980 an yang mengaitkan kegunaan minyak sawit dengan

kemudaratan kepada kesihatan manusia.

Bukti tidak mudarat kesihatan

Hasil penyelidikan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan kajian pemakanan yang dilakukan pakar di dalam dan luar negara membuktikan minyak sawit tidak memudaratkan kesihatan telah menangkis dakwaan pihak berkepentingan di luar negara.

Katanya, akibat gagal

“Usaha kementerian dan MPOB menangkis dakwaan tersebut dipergiat melalui sesi pertemuan dan penerangan mengenai amalan mampan”

Norih Kasnon,
Timbalan Menteri
Perusahaan Perladangan
dan Komoditi

memburukkan minyak sawit dengan isu kesihatan, industri sawit negara kini berdepan dengan cabaran melalui propaganda badan bukan kerajaan (NGO) luar negara yang mengaitkan penanaman sawit dengan kemusnahan hutan dan ancaman kepada habitat hidupan liar khususnya orang utan.

"Bagi mempertahankan industri sawit yang merupakan sektor ekonomi utama negara dan menjana pendapatan penduduk luar bandar, kerajaan melalui MPOB dan pihak terabit industri sawit mengambil langkah menangkis dakwaan dan tohmahan tidak berasas.

"Usaha kementerian dan MPOB menangkis dakwaan tersebut dipergiat melalui sesi pertemuan dan penerangan mengenai amalan mampan yang dilaksanakan dalam industri sawit.

Katanya, dalam konteks pengeluaran sawit mampan, kerajaan melaksanakan Pensijilan Minyak Sawit Mampan melalui MPOB yang meliputi semua sektor dalam industri sawit.



21st MPOB TRANSFER OF TECHNOLOGY Seminar 2015

TUESDAY, 9 JUNE 2015

Dewan Sawit, MPOB Head Office Bangi, Selangor

Officiated by:

YB DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS

Minister of Plantation Industries and Commodities

A Platform for Business, Networking and Partnership Opportunities

EVENT HIGHLIGHTS

- Seminar on new technologies and services
- Showcase of technologies for commercialisation
- Interaction with inventors, venture capitalists

The Seminar is highly recommended for:

- Entrepreneurs
- Small and Medium Entrepreneurs (SMEs)
- Planters, Agriculturists
- Venture Capitalists
- Engineers, Professionals
- R&D Personnel/Scientists
- Food Technologists, Chemists
- Millers/Traders/Processors
- Manufacturers

DO NOT MISS THIS OPPORTUNITY!

Registration Fees RM 100.00 + (6% GST until 4th June 2015)
Registration Fees RM 120.00 + (6% GST after 4th June 2015)

ENQUIRIES

Registration :
HRD & CONFERENCE MANAGEMENT UNIT
• Rubaah Masri Tel: 03-8769 4567
E-mail: rubaah@mpob.gov.my
• Salmah Hussin Tel: 03-8769 4873
E-mail: salma@mpob.gov.my
Fax: 03-8925 7549 / 8926 1743

Technical :
CORPORATE IMPLEMENTATION & CONSULTANCY UNIT
• Suraya Mahamad Tel: 03-8769 4579
• Syed Mohd Hazy Tel: 03-8769 4605
• Syed Hamid
• Jalaludin Omar Tel: 03-8769 4882
E-mail: cicu@mpob.gov.my
Fax: 03-8926 1337

For further information please visit: www.mpob.gov.my

Minyak sawit hadapi cabaran pasaran global

» *Malaysia laksana pensijilan MSPO atasi sentimen antiminyak sawit*

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
 watie@mpob.gov.my

Johor Bahru

Minyak sawit terus menghadapi cabaran dalam pasaran minyak dan lemak global. Komoditi itu terus kukuh walaupun menghadapi pelbagai persepsi negatif dan dakwaan yang dibuat oleh banyak pihak dari seluruh dunia.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata demikian dalam ucapan yang dibacakan Ketua Pe-

ngarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Choo Yuen May pada Majlis Makan Malam Persatuan Pemilik Ladang Malaysia (MEOA) di sini, baru-baru ini.

Majlis ini turut diadakan bagi memberi penghargaan kepada Datuk Boon Weng Siew yang bersara dari jawatan Presiden MEOA yang kini dipegang oleh Joseph Tek.

Katanya, sentimen anti minyak sawit oleh badan bukan kerajaan (NGO) yang menjadikan isu perlindungan alam sekitar sebagai fokus utama seakan menafikan sumbangan industri sawit kepada keselamatan makanan global, pembasmian kemiskinan dan kelestarian alam sekitar.

“Tuduhan terus dilempar walaupun pelbagai langkah dilaksanakan oleh Malaysia dalam pengurusan biodiversiti dan pemuliharaan alam sekitar bagi menjamin kemampuan industri sawit untuk jang-

ka masa panjang.

“Bagi meningkatkan imej industri sawit, Malaysia melaksanakan pensijilan ‘Malaysian Sustainable Palm Oil’ (MSPO) yang berasaskan undang-undang dan peraturan negara ini.

“Di samping menggalakkan industri sawit untuk menerima pakai MSPO, bantuan kewangan dan khidmat nasihat turut disediakan terutama untuk sektor pekebun kecil.

MSPO asas penjenamaan

Katanya, MSPO akan menjadi asas bagi penjenamaan minyak sawit Malaysia di pasaran antarabangsa yang sinonim dengan kualiti serta pengeluaran secara lestari.

“Penubuhan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) akan dapat membantu menangani persepsi negatif dan dakwaan berkaitan penanaman sawit yang mengancam alam sekitar termasuk penebangan hutan tidak terka-

wal yang disebar oleh NGO yang tidak bertanggungjawab.

“Sebagai satu daripada pengeluaran terbesar minyak sawit dan lemak global, Malaysia memainkan peranan penting dalam menyediakan sumber makanan berjuta-juta orang di seluruh dunia dan memastikan keselamatan makanan global.

“Saya percaya melalui penyelidikan dan pembangunan, dan pelaburan dalam teknologi maju, industri minyak sawit Malaysia dapat memberikan keseimbangan antara memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk makanan dan mencapainya dengan pengurusan industri sawit secara mampan.

Beliau turut menambah, industri sawit memerlukan tenaga kerja yang ramai terutama di sektor perladangan dan menggalakkan penggunaan mekanisme bagi kerja di ladang sawit.

“Sistem mekanisasi perlu terus dibangunkan bagi memenuhi keperluan pada masa hadapan dan memastikan pengeluaran optimum dicapai.

“Teknologi ini akan meningkatkan produktiviti industri sawit, sekali gus menyumbang kepada peningkatan pendapatan,” katanya.

Delegasi ACCIM minat teroka teknologi MPOB majukan industri sawit

Oleh Mohd Saufi Awang
 saufi@mpob.gov.my

Bangi: Seramai 15 delegasi Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia (ACCCIM) mengunjungi MPOB dan mengadakan pertemuan dengan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May bagi mendapatkan maklumat terkini perkembangan industri sawit dan kemajuan dalam bidang penyelidikan.

Datuk Dr Choo, berkata MPOB yang berperanan sebagai agensi penyelidikan juga menyediakan perkhidmatan bagi kemajuan industri sawit negara.

Katanya, kemajuan bidang penyelidikan dan teknologi yang diterajui oleh MPOB turut menyumbang kepada kemajuan industri sawit yang merupakan komoditi perladangan utama negara.

“Peningkatan kawasan tanaman sawit dan pengeluaran minyak sawit mentah telah meletakkan Malaysia sebagai negara pengeluar minyak sawit kedua terbesar dunia,” katanya.

Penyelidikan MPOB dalam bidang biak baka dan bioteknologi telah berjaya menghasilkan bahan tanaman sawit berkualiti yang berupaya menghasilkan minyak sawit sehingga enam tan setahun.

Kajian saintifik

Beliau berkata, kajian saintifik oleh MPOB dan penyelidik luar negara membuktikan minyak sawit adalah berkhasiat sebagai sumber pemakanan kepada manusia yang menyamai khasiat minyak zaitun.

Bagi meningkatkan perdagangan dan eksport minyak sawit Malaysia ke pasaran luar negara, MPOB melalui pejabat serantau di luar negara menyediakan khidmat nasihat teknikal mengenai kegunaan produk sawit dalam makanan dan bukan makanan.

Dalam pertemuan berkenaan, delegasi ACCIM dimaklumkan mengenai usaha memperkasakan industri sawit sebagai salah satu sektor utama ekonomi negara melalui Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Katanya, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan MPOB dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan lapan projek permulaan NKEA Sawit yang meliputi rantaian dalam industri sawit.

Ia meliputi peningkatan produktiviti penanaman sawit, penggunaan jentera dalam penuaian buah sawit, kecekapan pengilangan buah sawit dan pengeluaran produk baru dan nilai tambah dalam bidang pemakanan, kesihatan dan oleokimia.

Delegasi ACCIM yang terdiri daripada usahawan dipelawa mengambil peluang perniagaan melalui pengkomersialan teknologi yang dibangunkan oleh penyelidik MPOB seperti teknologi kejenteraan ladang, formulasi baja, produk biojisim, produk berasaskan makanan, produk pencuci, kecantikan dan polyurethane berasaskan sawit untuk dikomersialkan.

Lebih 600 serbu semarak sawit Sg Besar

Oleh Siti Nurhajar
 Mariam Wan Jaafar
 nurhajar@mpob.gov.my

Program Jom Bersama MPOB Semarakkan Sawit di Sg Besar dihadiri lebih 600 penduduk setempat terutama penduduk sekitar Kg Sg Panjang bagi meraih informasi berkenaan komoditi sawit dan manfaatnya menerusi pameran dan demonstrasi masakan oleh selebriti terkenal.

Program yang dirasmikan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato’ Noriah Kasnon mendedahkan pelbagai maklumat berguna untuk rujukan dan kefahaman pengunjung berkaitan industri sawit dengan lebih jelas.

Sesi penerangan mengenai Amalan Pertanian Baik, maklumat mengenai bantuan yang disediakan oleh kerajaan melalui MPOB kepada pekebun kecil sawit serta pengedaran dan cara pengiraan harga buah tandan segar mendapat sambutan membanggakan daripada penduduk setempat.

Program yang memberi tumpuan kepada aktiviti pameran pelbagai produk hasil penyelidikan MPOB termasuk produk makanan dan bukan makanan seperti produk kosmetik dan penjagaan diri yang dihasilkan daripada oleokimia



Datuk Dr Choo Yuen May meninjau peserta pertandingan memasak.

sawit, produk biojisim dan biodiesel serta teknologi dan teknik terbaru dalam pengurusan tanaman sawit.

Di samping penerangan melalui poster mengenai industri, kaunter khas turut diwujudkan untuk para pengunjung membuat pemeriksaan kesihatan oleh pakar-pakar daripada MPOB.

Kaunter cendol diserbu pengunjung

Kaunter yang menyediakan cendol santan sawit, aiskrim

dan roti bakar menggunakan marjerin berasaskan sawit menjadi tumpuan dan kebanyakan pengunjung mengakui santan sawit lebih sedap dibuat cendol kerana rasa lemaknya dan lebih sihat tanpa kolesterol.

Semua makanan berkenaan diagihkan secara percuma kepada pengunjung bertujuan memperkenalkan dan mendekatkan mereka dengan makanan dan produk berasaskan sawit.

Pengunjung turut ‘mencuba nasib’ meneka berat tandan

sawit dan bilangan buah sawit leri di salah satu gerai pameran pada hari tersebut.

Selain pameran, MPOB turut mengundang selebriti terkenal Shiela Rusly bagi mempromosikan program dengan demonstrasi masakan menggunakan produk sawit.

Demonstrasi memasak tersebut diselenggarakan dengan penerangan berguna berkenaan khasiat minyak sawit daripada Ketua Unit Teknologi Makanan MPOB, Dr. Miskandar Mat Sahri.



Anugerah Ciptaan Inovasi 2014 diterima daripada Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad, Dato' Hj. Ramlee Bin Abu Bakar Oleh Pengarah Urusan FELCRA Plantation Services Sdn.Bhd. (FPSSB, Mohd Nawawi Bin Wahab. Turut sama para penyelia yang terlibat iaitu Dr. Idris Abu Seman (MPOB), Prof. Dr. Mohamed Hanafi Musa (UPM) dan Zaafar Dahlan (FPSSB).

Baja GanoCare™ kawal penyakit Ganoderma

» Dua teknologi formulasi bantu cegah, jaga estet hasil sawit

Oleh Mohd Shukri Ibrahim
mohd.shukri@mpob.gov.my

Peningkatan kejadian penyakit reput pangkal batang atau Ganoderma merupakan ancaman kepada industri sawit, termasuk pekebun kecil (PK) dan estet sawit di Malaysia. Berdasarkan bancian penyakit di estet, kejadian penyakit Ganoderma adalah 3.71%. Ini akan menyebabkan anggaran kerugian hasil sawit sebanyak RM 1.5 billion. Serangan pe-

nyakit ini akan terus bertambah sekiranya tiada langkah-langkah pencegahan dan kawalan penyakit Ganoderma dilakukan oleh pekebun kecil dan estet sawit. Melalui kerjasama penyelidikan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap kawalan terkini penyakit Ganoderma sawit, kini berjaya memperkenalkan dua teknologi formulasi GanoCare™ : 1) baja organik GanoCare™ dan 2) baja kimia campuran berorganik GanoCare™; untuk kesuburan tanah, pertumbuhan sawit serta pencegahan penyakit Ganoderma sawit seawal di tapak semaian sehingga pokok matang. Teknologi ini dilesenkan kepada FELCRA Plantation Services Sdn. Bhd. (FPSSB) untuk penghasilan produk tersebut bagi keperluan estet dan pekebun kecil sawit. Teknologi ini telah berjaya memenangi



Kulat Ganoderma.

beberapa anugerah termasuk Medal Emas dalam Malaysian Agricultural Innovation Challenge (MAGic) 2014 yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) pada 6-8 November 2014 di Malaysian Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), Serdang, Selangor. Teknologi GanoCare™ juga telah menerima Anugerah Ciptaan Inovasi 2014 sempena Majlis Anugerah Inovasi dan Kualiti FELCRA Berhad 2014 pada 11 November 2014. Produk GanoCare™ berjaya memfailkan paten pada tahun 2013.

Penghasilan produk GanoCare™

GanoCare™ mempunyai dua jenis produk iaitu i) baja organik GanoCare™ - bahan organik serbuk tandan sawit kosong (EFB) diadun dengan unsur-unsur surih (EFB) diadun dengan unsur-unsur surih dan baja kimia campuran berorganik GanoCare™ - baja kimia yang mengandungi kandungan nutrien NPKMg diadun dengan bahan organik serbuk tandan sawit kosong (EFB) dan unsur-unsur surih.

Terdapat tiga bentuk baja iaitu serbuk, palet dan kompak, ini adalah untuk memudahkan penggunaan semasa aplikasi pembajaan. Kaedah yang disyorkan adalah dengan menabur baja di sekeliling pangkal batang pokok berdasarkan jarak kanopi pelepah sawit bagi menghalang jangkitan Ganoderma pada pokok sihat serta mengurangkan kejadian penyakit Ganoderma di kawasan yang dijangkiti.

Kesan penggunaan GanoCare™ pada pokok sawit

Kajian penggunaan GanoCare™ pada pokok sawit dapat meningkatkan kandungan enzim; membantu meningkatkan pengambilan unsur makro- dan mikro; menambahkan penebalan dinding sel akar dan batang pokok sawit. Ini menunjukkan GanoCare™ boleh mencegah serangan penyakit Ganoderma ke atas pokok sawit apabila produk ini mula digunakan pada pokok sawit di tapak semaian dan di ladang.

Kesan Penggunaan GanoCare™ ke atas pokok sawit untuk kawalan Penyakit Ganoderma

Keberkesanan baja organik GanoCare™ dan baja kimia campuran berorganik GanoCare™ untuk kawalan penyakit Ganoderma ke atas anak pokok sawit telah diuji di tapak semaian dan di ladang. Kajian di tapak semaian mendapati penggunaan baja organik GanoCare™ dan baja kimia campuran berorganik GanoCare™ telah berjaya meningkatkan pertumbuhan tampang anak pokok sawit, terutama menambahkan bilangan perkecik, ketinggian pokok, lilitan batang, berat kering



Simptom penyakit Ganoderma pada pokok matang.



Baja organik GanoCare.

dan jumlah luas permukaan daun pelepah. Kajian di tapak semaian mendapati penggunaan GanoCare™ dapat mengurangkan kejadian penyakit Ganoderma 63.5% (baja organik GanoCare™) serta 77.8% (baja kimia campuran berorganik GanoCare™). Bagi kajian di ladang mendapati penggunaan GanoCare™ telah mengurangkan kejadian penyakit Ganoderma 76.5% (baja organik GanoCare™) serta 78.6% (baja kimia campuran berorganik GanoCare™).

Kesimpulan

Penggunaan produk GanoCare™ adalah disyorkan untuk meningkatkan pertumbuhan tampang anak pokok sawit dan sebagai langkah kawalan dan pencegahan penyakit Ganoderma ke atas pokok sawit di tapak semaian dan di ladang. Produk GanoCare™ terbukti boleh menyumbang secara positif ke arah pengawalan dan pencegahan penyakit Ganoderma dimana ianya dapat mengurangkan kejadian dan penyebaran penyakit Ganoderma di ladang-ladang sawit disamping dapat meningkatkan produktiviti sawit dan minyak sawit negara.



Tunjuk ajar bagi pemasangan perangkap feromon.

Produk Bt bantu kawal serangan ulat bungkus

Oleh Hasmiza Desa dan Mohd Najib Ahmad
hasmiza.desa@mpob.gov.my, najib@mpob.gov.my

Ulat bungkus adalah perosak utama tanaman sawit. Oleh itu, pelbagai teknik kawalan perlu dilakukan untuk memastikan serangan ulat bungkus yang teruk tidak berlaku.

Salah satu teknik kawalan ulat bungkus adalah melalui aplikasi penyemburan udara menggunakan Bt untuk mengawal serangan ulat bungkus yang telah dilakukan pada minggu kedua dan keempat bulan Februari 2015 yang lalu di sekitar kawasan pekebun kecil persendirian di Mukim Chaah Bahru, Mukim Tg Sembong, Mukim Chaah & Mukim Paloh, Johor. Kawasan yang terlibat adalah seluas 3,244 hektar.

Serangan ulat bungkus yang teruk di kawasan seluas lebih kurang 3000 hektar

tersebut telah menyebabkan penurunan hasil sebanyak 48%. Punca utama serangan ini berlaku adalah akibat kemerebakkan serangan dari ladang sawit bersebelahan yang tidak menjalankan rawatan secara efektif dan tepat pada masanya. Selain itu, punca serangan ulat bungkus juga adalah akibat penggunaan bahan kimia dengan isipadu dan kekerapan yang tinggi, yang mana telah menyebabkan ulat bungkus menjadi rintang terhadap bahan kimia yang digunakan.

Secara biologi

Penggunaan Bacillus thuringiensis untuk kawalan ulat bungkus (spesis Metisa planaWalker) adalah teknik kawalan secara biologi dengan menggunakan produk Bt yang telah dirumus khas untuk mengawal serangan ulat bungkus dan spesifik kepada organisma sasaran. Kadar banchuan produk Bt dan kos semburan udara produk Bt untuk diaplikasikan di ladang.

Untuk keluasan per hektar = 25 liter air



Campuran produk Bt dan pengisian ke dalam kapal terbang.

dicampur dengan 1 liter produk Bt @ 80 L produk Bt dicampur dalam 2,000 L air

Kos semburan per hektar = RM75/L produk Bt + RM 40 Kos servis semburan udara = RM 115/ha

Kurangnya amalan pengurusan ulat bungkus secara bersepadu (IPM) di ladang pekebun kecil persendirian menyebabkan serangan ulat bungkus bertambah serius. Untuk kawalan ulat bungkus secara bersepadu di ladang, pekebun kecil persendirian perlu menanam tanaman bermanfaat seperti Cassia cobanensis, Euphorbia heterophylla dan Antigonon leptopus.

Tujuan penanaman tanaman bermanfaat ini adalah untuk meningkatkan populasi parasitoid dan pemangsa ulat bungkus kerana musuh semulajadi seperti parasitoid dan pemangsa boleh hidup lama dengan memakan madu atau nektar yang terdapat pada celah tangkai daun.

Kewujudan parasitoid dan pemangsa di ladang akan membantu mengawal serangan ulat bungkus secara semula jadi dengan menyuntik probosis secara terus ke badan ulat bungkus dan menghisap sel darah ulat bungkus.

Selain itu juga, parasitoid akan bertelur di dalam badan ulat bungkus dan melengkapkan kitar hidup telur tersebut di dalam badan ulat bungkus.

Tanda-tanda awal serangan ulat bungkus boleh dilihat di ladang ialah pada peringkat awal, larva akan mengikis bahagian lapisan epidermis daun dan meninggalkan lapisan daun yang nipis.

Akhirnya, daun akan berlubang apabila kawasan tersebut kering dan reput. Manakala, akibat serangan yang teruk dan keparahan pada bahagian daun pelepah akan menyebabkan daun pelepah bertukar warna kekuningan, iaitu seolah-olah terbakar.

Kawalan penting dibuat pada peringkat awal kita hidup (peringkat 1-3), sekiranya populasi perosak melebihi paras ekonomik selepas bancian dijalankan.

Sebelum penyemburan dilakukan, kaedah pemasangan perangkap feromon menggunakan betina reseptif boleh dipang di semua kawasan yang terjejas. Pemasangan feromon adalah salah satu kaedah kawalan ulat bungkus yang mudah diaplikasikan di ladang pekebun kecil persendirian kerana ianya mudah dilakukan kerana hanya menggunakan kepingan zink/plastik dan juga gam lalat buah.

Seminar amalan pertanian baik untuk penanam sawit

» Program sejajar Transformasi Ekonomi peringkat produktiviti sektor sawit

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

► Bangi

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) buat julung kalinya menganjurkan seminar Amalan Pertanian Baik untuk Sektor Ladang dan Pekebun Kecil Sawit bagi memberi ruang interaksi dan berkongsi maklumat terkini berkaitan amalan pertanian baik.

Dalam ucapan perasmian seminar berkenaan, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen

May berkata, penganjuran seminar itu adalah sejajar dengan Program Transformasi Ekonomi untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi sektor sawit bagi menjana pendapatan negara.

Ucapan beliau disampaikan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.

Pengeluaran bermutu

Katanya, industri minyak sawit Malaysia perlu memastikan pengeluaran yang bermutu, selamat dan mampan di seluruh rantau bekalan minyak sawit.

"Ini kerana minyak sawit digunakan sebagai bahan mentah

utama bagi pelbagai produk.

"Isu berkaitan kualiti, keselamatan makanan, alam sekitar, tanggungjawab sosial dan kemampanan perlu diutamakan.

Katanya, bagi mencapai matlamat menjadi industri mampan, kerajaan dengan sokongan pihak industri mewujudkan piawaian atau garis panduan yang dikenali Kod Amalan.

Kod Amalan

"Kod Amalan ini bertujuan mengaudit dan memantau industri sawit bermula dari operasi di tapak semaian sehingga ke penyimpanan produk sawit.

"Kod Amalan pada mulanya dilaksanakan secara sukarela bermula 2009.

"Namun mulai Julai 2012, Kod Amalan Baik bagi Nurseri Sawit adalah mandatori untuk semua pemegang lesen dan pengusaha nurseri sawit yang beroperasi di Malaysia.

Piawaian MSPO

Katanya, selain Kod Amalan, satu lagi piawaian dikenali Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) turut diwujudkan dan mula dilaksanakan pada Januari 2015.

Seminar tiga hari itu bertujuan memberi pemahaman, pendedahan dan meningkatkan pengetahuan peserta mengenai amalan baik dan mampan di sektor perladangan dan pekebun kecil sawit.

Katanya, peserta berpeluang berinteraksi dengan penceramah berpengalaman dalam pelbagai aspek meliputi teknik penanaman, kawalan perosak dan penyakit, mekanisasi, biodiversiti dan pemuliharaan.

MPOB anjur seminar, dialog GST di Sarawak, Sabah

Oleh Ayatollah Khomeini Ab Rahman
ayat@mpob.gov.my

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) meneruskan penganjuran seminar dan dialog berkaitan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) khusus untuk penggiat industri sawit dengan kerjasama Jabatan Kastam di Raja Malaysia (Jabatan Kastam) di Sarawak dan Sabah, baru-baru ini.

Penganjuran seminar dan dialog secara bersiri diadakan di Kuching dan Miri di Sarawak serta di Sandakan, Sabah.

Seminar dan dialog GST di Sarawak disertai lebih 500 peserta manakala di Sabah dihadiri 370 penggiat industri sawit.

Sebagai agensi yang berperanan membangun dan memajukan industri sawit negara, MPOB mengambil tanggungjawab menganjurkan seminar dan dialog ini susulan permintaan yang tinggi daripada pemain industri sawit di Sarawak dan Sabah bagi membantu mereka membuat persediaan menghadapi pelaksanaan GST.

Penganjuran seminar dan dialog yang mendapat sokongan padu Jabatan Kastam ini bertujuan memberi pemahaman secara terperinci berhubung pelaksanaan GST yang membabitkan industri sawit.

Jualan kadar sifar

Wakil Jabatan Kastam Kuching menjelaskan bahawa jualan minyak masak sawit kepada pengguna tempatan adalah berkadar sifar (GST 0%). Justeru, harga minyak masak tidak akan berlaku peningkatan apabila GST dilaksanakan.

Selain itu, pihak pengilang buah sawit dibenarkan mengeluarkan hanya satu invoice cukai sahaja walaupun transaksi jual beli buah tandan segar (BTS) bagi setiap pelanggan boleh berlaku beberapa kali dalam sebulan.

Semasa di Miri, wakil Jabatan Kastam menjelaskan, peniaga dan pengilang BTS yang berdaftar di bawah GST berpeluang memohon untuk menggunakan invoice bil sendiri kerana harga BTS tidak diketahui semasa pembekalan dibuat.

Namun, persetujuan bertulis antara penjual dan pembeli perlu disertakan semasa permohonan dibuat kepada Ketua Pengarah Jabatan Kastam.

Pihak peniaga BTS atau pengilang tidak dibenarkan memotong GST 6% ke atas harga BTS yang dibayar kepada estet. Ini kerana, setiap bayaran caj GST 6% yang dikeluarkan oleh peniaga atau pengilang merupakan cukai input yang boleh dituntut semula kepada Jabatan Kastam.

Tuntut semula

Sementara itu, wakil Jabatan Kastam semasa seminar dan dialog GST di Sandakan menyatakan, semua GST 6% ke atas pembelian input pertanian seperti baja dan racun rumpai boleh dituntut semula oleh pihak estet yang berdaftar di bawah GST.

Penghantaran penyata GST adalah bergantung kepada tempoh bercukai yang dikenakan ke atas pendaftar GST.

Bagi pendaftar dengan jualan tahunan melebihi RM5 juta tempoh bercukainya adalah pada setiap bulan. Sementara itu, pendaftar GST yang tidak mencapai nilai tersebut, tempoh bercukainya adalah pada setiap 3 bulan.



Sebahagian peserta yang mengikuti seminar dan dialog GST berkaitan industri sawit.

“

Peniaga dan pengilang BTS yang berdaftar di bawah GST berpeluang memohon untuk menggunakan invoice bil sendiri kerana harga BTS tidak diketahui semasa pembekalan dibuat”

Wakil Jabatan Kastam

Pekebun kecil sawit juga dimaklumkan bahawa mereka layak memohon Skim Kadar Rata (SKR) yang merupakan suatu insentif yang disediakan khas oleh kerajaan memandangkan mereka tidak berdaftar di bawah GST.

Melalui SKR, pekebun kecil sawit layak mengenakan caj tambahan harga 2% kepada pembeli BTS bagi menampung sebahagian GST yang dibayar ke atas input pertanian. Berbeza dengan mekanisme GST, penerima SKR tidak perlu mengembalikan kutipan caj 2% tersebut kepada Jabatan Kastam.

Industri minyak sawit Malaysia dijangka mampu mengekalkan daya saing di pasaran antarabangsa apabila GST dilaksanakan.

Ini kerana, setiap pengeluar di

dalam rantaian pembekalan minyak sawit yang berdaftar di bawah GST layak menuntut kembali GST yang dibayar semasa pembelian input yang digunakan di dalam proses pengeluaran.

Selain itu, sebagai industri yang berorientasikan eksport (lebih 80% produk sawit diekspor), sebahagian besar produk sawit dikategorikan sebagai pembekalan berkadar sifar iaitu tiada dikenakan caj GST 6%.

Kadar GST 6% yang dikenakan ke atas pembekalan berkadar standard di Malaysia merupakan yang terendah berbanding negara-negara yang telah melaksanakan GST. Sebagai perbandingan Indonesia mengenakan GST/VAT pada kadar standard 10%, sementara Thailand 7%.

Pelbagai agensi sertai NSCEC 2015

MPOB anjur dua kursus utama serentak

Bangi: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menganjurkan dua kursus diploma intensif serentak bagi memberi peluang kepada peserta mengikuti program berkaitan teknologi dan pengurusan sawit.

Kursus yang diadakan secara tahunan bagi dua bidang berbeza adalah antara kursus utama yang dilaksanakan MPOB.

Kursus pertama iaitu 'Intensive Diploma in Oil Palm Management & Technology' (IDOPMT) dianjurkan oleh MPOB sejak tahun 1999.

Kursus yang diiktiraf oleh industri sawit ini menyediakan peluang bagi peserta untuk memajukan diri dalam kerjaya masing-masing terutama bagi mereka yang terbabit dalam sektor perladangan sawit.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dalam ucapannya berkata, IDOPMT menghasilkan graduan yang menjadi rebutan majikan.

"Kebanyakan graduan IDOPMT dinaikkan pangkat ke jawatan kanan dengan serta-merta selepas mereka menamatkan program ini.

Teknologi penanaman, pengurusan IDOPMT mendedahkan kepada peserta mengenai teknologi penanaman dan pengurusan sawit.

Sementara itu, kursus 'Diploma in Palm Oil Milling Technology and Management' (DIPOM) adalah bagi peserta yang terbabit secara langsung dengan pengendalian operasi kilang sawit.

Datuk Dr Choo Yuen May berkata, MPOB dan pihak terbabit industri sawit perlu memainkan peranan dalam usaha mencapai matlamat memajukan industri itu.

kebum Kecil dan Usahawan Komoditi Kebangsaan 2015 (NSCEC) di sini, baru-baru ini.

Pameran yang menyediakan lebih 70 gerai pameran itu adalah anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dengan kerjasama Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak (MOMA).

Lembaga Minyak Sawit Malaysia bersama agensi lain di bawah MPIC seperti Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Lada Malaysia (LLM) dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) turut menyertai pameran tersebut.

Tingkat kesedaran

Pameran berkenaan adalah antara inisiatif pihak kementerian bertemu dengan masyarakat serta dapat meningkatkan kesedaran mengenai tanaman komoditi negara seperti sawit, getah, koko dan lada hitam.

Ia juga menyediakan maklumat mengenai skim bantuan, insentif dan kemudahan, pelesenan dan galakan yang disediakan oleh agensi di bawah MPIC bagi membantu meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil.

NSCEC 2015 dirasmikan oleh Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Haji Satem. Perasmian turut dihadiri Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Anak Numpang dan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

“Program ini juga menyediakan maklumat mengenai skim bantuan, insentif dan kemudahan, pelesenan dan galakan yang disediakan oleh agensi di bawah MPIC”

Oleh Muhammad Asyraf Hussin
asyrafhussin@mpob.gov.my

Kuching

Pelbagai agensi kerajaan persekutuan dan negeri Sarawak serta industri kecil dan sederhana (SME) menyertai pameran yang diadakan sempena Persidangan Pe-

» Pameran tingkat kesedaran masyarakat mengenai komoditi negara

Oleh Hisham Hussain
hishamhussain@mpob.gov.my dan Izzati Ismail
izzati@mpob.gov.my

Bangi: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menerima kunjungan rasmi daripada Asosiasi Petani Kelapa Sawit Indonesia (APKASINDO) di sini baru-baru ini.

APKASINDO adalah organisasi yang melindungi kepentingan para pekebun kecil di bawah naungan Jabatan Kementerian Pertanian Indonesia. Badan tersebut yang berpusat di Palembang mempunyai 12 juta ahli dan ditubuhkan sejak tahun 2000.

Lawatan ke MPOB meliputi perbincangan dua hala mengenai industri sawit khususnya berkaitan cara pengurusan sisa sawit dan perkembangan terkini industri hiliran sawit di Malaysia.

Delegasi turut mengikuti penerangan berkaitan konsep 'Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS)' yang membantu para pekebun kecil Malaysia untuk mendapatkan maklumat terkini industri sa-

APKASINDO lawat MPOB



Delegasi APKASINDO bergambar bersama Dr. Burhanuddin Ab Salam.

wit berkaitan hasil penyelidikan MPOB.

Penerangan disampaikan oleh Pengarah Teknologi Maklumat dan Khidmat Korporat MPOB, Dr

Burhanuddin Ab Salam.

Delegasi turut dimaklumkan mengenai bantuan dan insentif yang disediakan oleh kerajaan Malaysia bagi pekebun kecil da-

lam bagi tujuan tanam semula dan tanam baru sawit yang meliputi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

MPOB menerusi program TU-

NAS juga membantu dalam mempercepatkan proses pensijilan seperti 'Amalan Pertanian Baik' dan 'Malaysian Sustainable Palm Oil' (MSPO) yang akan berupaya meningkatkan produktiviti penanaman sawit di kalangan pekebun kecil.

Kagum hasil penyelidikan

Delegasi APKASINDO juga tertarik dengan hasil penyelidikan MPOB yang berjaya menghasilkan produk bermutu tinggi daripada biojisim sawit.

Ini adalah langkah pro-aktif yang dilaksanakan MPOB untuk memajukan sektor hiliran sawit.

Kunjungan ke MPOB merangkumi lawatan ke Galeri Sawit yang mempamerkan sejarah serta maklumat menyeluruh berkaitan industri sawit Malaysia.

Delegasi APKASINDO amat berbesar hati dengan penerangan pihak MPOB dan berharap kerjasama dalam perkongsian maklumat sawit antara MPOB dan kerajaan Indonesia dapat diteruskan demi menjaga kepentingan ekonomi pekebun kecil kedua-dua negara.

Panduan pemakanan Amerika 2015 galak pemakanan secara mampan

» **Nutrien minyak sawit main peranan dalam Lindungi otak**

Condangan perubahan kepada Panduan Pemakanan Amerika Syarikat (US Dietary Guideline) termasuklah perbincangan mengenai penghasilan makanan secara mampan. Tumpuan ke atas pengeluaran pemakanan mampan bermakna kita akan dapat melihat lebih banyak pengilang makanan dari Amerika

Syarikat memilih minyak sawit yang dihasilkan secara mampan dari Malaysia untuk digunakan di dalam resipi mereka.

Tingkat tahap kesihatan

Kenyataan yang dikeluarkan oleh jawatankuasa dari Jabatan Pencegahan Penyakit dan Galakkan Kesihatan menyimpulkan bahawa, "hubungan kesihatan, panduan pemakanan dan alam sekitar dapat meningkatkan tahap kesihatan manusia dan kemampuan sumber asli, di samping menjamin penghasilan makanan yang mencukupi buat masa sekarang dan untuk jangka masa



yang panjang."

Jawatankuasa itu juga mengambil maklum mengenai nutrien-nutrien yang penting, termasuk Vitamin A dan E. Minyak sawit merupakan salah satu sumber semula jadi yang kaya dengan beta karoten – sumber yang membantu tubuh badan menghasilkan vitamin A – dan Vitamin E-tokoferol dan tokotrienol.

Malah, minyak sawit adalah salah satu sumber tokotrienol yang terbaik. Kajian telah membuktikan bahawa nutrien-nutrient tersebut memainkan peranan yang penting di dalam melindungi otak dari menghasilkan white matter lesions, yang boleh mengakibatkan strok dan penyakit degeneratif otak (brain degenerative diseases). Apa yang menarik untuk diketahui ialah tokotrienol juga membantu melindungi otak sekiranya diserang strok dan dapat membantu mempercepatkan proses pemulihan.

Utama gaya hidup sihat

Jawatankuasa dari Jabatan Pencegahan Penyakit dan Galakkan Kesihatan ini menggesa Amerika Syarikat membuat satu anjakan paradigma yang kuat ke arah 'membudayakan kesihatan.' Ianya bermakna setiap individu harus mengutamakan gaya hidup yang sihat dengan meningkatkan aktiviti fizikal, mengurangkan pengambilan garam dan gula di dalam usaha untuk mencapai pemakanan yang lebih seimbang. Walaubagaimanapun, kesederhanaan dan pengawalan di dalam sajian makanan merupakan kunci utama di dalam rancangan pemakanan seimbang.

Garis panduan pemakanan 2015 juga memudahkan pengguna untuk membuat keputusan mengenai pemakanan


“**Hubungan kesihatan, panduan pemakanan dan alam sekitar dapat meningkatkan tahap kesihatan manusia dan kemampuan sumber asli, di samping menjamin penghasilan makanan yang mencukupi buat masa sekarang dan untuk jangka masa yang panjang**”

Kenyataan Jabatan Pencegahan Penyakit dan Galakkan Kesihatan

secara lebih bijak. Dengan adanya pelabelan makanan yang lebih baik, ianya dapat memaklumkan pengguna dengan lebih jelas tentang kandungan yang terdapat di dalam makanan tersebut. Garis Panduan tersebut juga menggalakkan industri makanan supaya 'membuat perubahan kepada makanan-makanan yang tertentu untuk meningkatkan lagi khasiat makanan tersebut.'

Menurut jawatankuasa Jabatan Pencegahan Penyakit dan Galakkan Kesihatan, apa yang baik untuk kesihatan kita adalah juga baik untuk planet ini, "hasil penyelidikan telah membuktikan bahawa pemakanan yang sihat adalah lebih mampan dan berkait dengan kesihatan dan persekitaran yang lebih baik."

Maklumat lebih lanjut di http://www.mpoc.org.my/2015_US@S@DietaryGuidelinesEncourageSustainableEating.aspx



"World Palm Portraits Photography Competition" kembali tahun ini untuk kali ke-3. Pertandingan ini dibuka kepada jurufoto profesional dan amatir dari seluruh dunia.

Penyertaan dibahagikan kepada 4 kategori:

- People & Portraits
- Fine Art & Photo Manipulation
- Nature & Wildlife
- Black & White

Penyertaan bermula dari
15hb Mac - 30hb Jun 2015

Untuk maklumat lanjut, layari
www.palmportraits.com.my/2015
www.fb.com/worldpalmportraitsphotographycompetition
www.twitter.com/palmportraits15
www.instagram.com/worldpalmportraits



KUIZ SAWIT siri 52

Syarat penyertaan

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6.
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang.
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang.
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz.
- Keputusan pengadil adalah muktamad.
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 20 APRIL 2015.
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :

Ketua Pengarang Berita Sawit

Kuiz Sawit (Siri 52)
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
(UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

Soalan Kuiz Sawit Siri 52

1. Singkatan nama bagi Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi ialah.....
 MPIC KPPK KKPK
2. MOMA adalah singkatan bagi...
 Kementerian Pelaksanaan Industri Sarawak
 Kementerian Pemodelan Pertanian Sarawak
 Kementerian Perusahaan Pertanian Sarawak
3. Kajian pemakanan yang membuktikan minyak sawit tidak menaikkan paras kolesterol dalam darah dilakukan di beberapa negara seperti India, China dan Belanda.
 Betul Salah
4. Tokotrienol adalah bentuk vitamin E yang mempunyai sifat berikut, kecuali...
 Anti kanser Anti keradangan Kolesterol tinggi
5. MPOB menubuhkan Institut Penyelidikan dan Teknikal Minyak Sawit (PORTSIM) di negara ini.
 Amerika Syarikat China Pakistan
6. Bagi membanteras kes kecurian buah tandan segar di Sarawak, MPOB melancarkan operasi dikenali...
 Ops Banteras Sawit Ops Banteras Pencuri BTS Ops Sawit Kenyalang
7. Minyak sawit Malaysia diekspor ke lebih 150 negara di dunia ini.
 Betul Salah
8. Penyakit reput pangkal batang yang menyerang pokok sawit turut dikenali sebagai...
 Penyakit reput kulit Gasodermis Ganocare
9. Singkatan bagi Persidangan Pekebun Kecil dan Usahawan Komoditi ialah...
 NSCS NSCEC NSCES
10. Minyak sawit kaya dengan sumber semulajadi yang berikut, kecuali
 Vitamin A Vitamin E Vitamin C

Borang Penyertaan Siri 52

Nama : _____
 Tahap : _____
 Alamat Sekolah : _____

 Alamat Rumah : _____

 Poskod : _____
 No. Tel : _____

Nama pemenang Siri 51

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> 1. Syalin Nurini Shahrul Izwani
SK Ganga, Durian Tunggal, Melaka 2. Imam al-Junain Amran
SK Paroi, Seremban, N. Sembilan 3. Afiq Ajmal Mohd Nizam
SK Long Béh, Sempang Empat, Perlis 4. Muhammad Zulhusaini Azaherul
SK Sg. Raya, Ipoh, Perak 5. Yuseni Mohamed
SK Sg. Lalang, Sg. Petani, Kedah | <ul style="list-style-type: none"> 6. Muhammad Danish Hazriel
SK Putrajaya Presint 8(1), Putrajaya 7. Uweis Basit
Sek. Rendah Islam As-Saidiah, Seremban, Negeri Sembilan 8. A. Syuhada Samad
SK Jalan Baharu, Parit Buntar, Perak 9. Muhd Naufal Afifi Zulkiffi
SK Sri Pantai, Alor Setar, Kedah 10. Umairah Makhtar
SK Bukit Merah, Pakia, Dungun, Terengganu |
|--|--|

Industri sawit pemangkin ekonomi negara

Industri sawit di Malaysia bermula seawal tahun 1917 lagi. Tanaman sawit mula dijadikan tanaman komersial apabila kerajaan Malaysia melihat hasil tanaman sawit berpotensi untuk menjana pendapatan rakyat dan negara.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) mula menjadikan tanaman sawit sebagai tanaman utama di tanah-tanah rancangan yang baharu dibuka selepas tahun 1960 dalam usaha meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar.

Penubuhan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) yang memberi tumpuan kepada usaha-usaha pembangunan dan penyelidikan (R&D) telah membantu meningkatkan pengeluaran minyak sawit negara.

Sejajar dengan kemajuan industri sawit, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) ditubuhkan dan meneruskan peranannya bagi memperkayakan faedah dan penggunaan minyak kelapa sawit diperingkat kebangsaan dan antarabangsa. Usaha-usaha gigih dan proaktif dalam kalangan organisasi tersebut telah menjadikan industri sawit salah satu industri yang memberi sumbangan besar kepada pembangunan ekonomi negara.

Sumbangan penting industri sawit terhadap pembangunan ekonomi ialah melalui penyediaan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Pembukaan ladang-ladang baharu yang telah membuka peluang kerja dan pendapatan kepada penduduk luar bandar yang kebanyakannya berada di bawah paras kemiskinan.

Dengan adanya ladang-ladang kelapa sawit maka ramai tenaga buruh diperlukan untuk kerja-kerja penyediaan ladang, menanam, menjaga pokok-pokok kelapa sawit yang ditanam, dan seterusnya memungut hasil apabila pokok-pokok berkenaan telah mengeluarkan hasil.

Selain pekerjaan di ladang, keba-

nyakan kawasan pengeluaran kelapa sawit yang besar menyediakan kilang memproses buah tandan segar. Kewujudan kilang-kilang ini juga memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Dengan adanya peluang pekerjaan maka penduduk luar bandar akan dapat memperbaiki taraf ekonomi mereka, sekaligus memangkin peningkatan ekonomi negara melalui kuasa beli dan guna tenaga yang disumbangkan.

Keluaran minyak sawit negara terus meningkat saban tahun. Peningkatan ini mencerminkan pertumbuhan pendapatan negara bagi sektor pertanian dan perusahaan. Pengeluaran minyak sawit mentah Malaysia pada tahun 2014 adalah berjumlah 19.67 juta tan metrik, iaitu meningkat sebanyak 2.3 peratus berbanding tahun 2013. Peningkatan jumlah keluaran ini sudah pasti akan membantu meningkatkan ekonomi negara secara keseluruhannya.

Selain daripada jualan minyak sawit mentah, industri sawit Malaysia juga menghasilkan produk hiliran yang memberi sumbangan besar terhadap pendapatan dalam negara dan juga eksport ke luar negara dalam bentuk produk.

Selain minyak masak, minyak kelapa sawit juga boleh diproses untuk dijadikan pelbagai produk lain seperti bahan untuk membuat kosmetik, serbuk pencuci, bahan dalam pembuatan makanan, minyak pelincir, lilin dan sebagainya.

Bahan buangan daripada kelapa sawit pula boleh digunakan untuk dijadikan makanan haiwan dan bahan dalam pembuatan perabot. Produk-produk hiliran ini bukan sahaja berguna kepada rakyat dalam negara, malah boleh diekspor ke luar negara. Pada tahun 2014 sahaja jumlah eksport produk kelapa sawit ber-

jumlah 25.02 juta tan dengan jumlah pendapatan eksport mencecah RM63.36 bilion.

Usaha-usaha memantapkan industri sawit sebagai industri yang memangkin ekonomi negara untuk suatu jangka masa yang panjang seringkali berdepan dengan cabaran. Cabaran-cabaran tersebut bukan sahaja menjejaskan kedudukan ekonomi negara secara umumnya malah menjadikan industri sawit negara semakin tergutut.

Antara cabaran utama ialah keghairahan beberapa negara di dunia untuk meningkatkan pengeluaran hasil kelapa sawit mereka menyebabkan harga minyak sawit menjadi tidak stabil dan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar utama kian tergutut. Negara-negara di selatan Amerika dan benua

Afrika turut menanam pokok sawit untuk mendapatkan minyaknya. Oleh yang demikian, Malaysia terpaksa bersaing dengan negara-negara pengeksport minyak sawit yang lain.

Selain cabaran persaingan, satu lagi cabaran besar terhadap industri sawit Malaysia ialah kempen anti minyak sawit yang dijalankan oleh kumpulan penyokong alam sekitar dan pengguna di Eropah dan Amerika Syarikat.

Kumpulan ini mendakwa bahawa lemak tepu minyak sawit boleh meningkatkan paras kolestrol darah seterusnya menjadi salah satu punca penyakit jantung. Mereka kemudian mencadangkan alternatif kepada pengguna minyak sawit iaitu minyak kacang soya dan bunga matahari.

Kempen ini telah menjejaskan kepercayaan orang ramai di luar Malaysia tentang kebaikan dan kelebihan minyak sawit dan produk-produk hiliran daripadanya.

PEMENANG PERTAMA

© Fatin Nur Ainin Sofiya Mohd Zain (No. K/P: 980529-14-5100) Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jambul,

pada 20 April 2015

7. Hantarkan penyertaan ke alamat:

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit

Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)
Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Mac 2015

Hadiah Pertama

Fatin Nur Ainin Sofiya Mohd Zain
(No. K/P: 980529-14-5100)
Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jambul
Jalan Bukit Gambier
11700 Pualau Pinang

Hadiah Kedua
Tiada Pemenang

Hadiah Ketiga
Tiada Pemenang

Peraduan mengarang esei Berita Sawit April

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1 - Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)

Tajuk: "Kebaikan minyak sawit dari segi pemakanan. Bincangkan".

Kategori 2 - Awam

Tajuk: "Minyak sawit mampan berupaya penuhi permin-

taan pasaran dunia. Bincangkan".

Tiga pemenang utama bagi setiap kategori akan menerima;

Hadiah Pertama: RM250

Hadiah Kedua: RM200

Hadiah Ketiga: RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Mei 2015 akan datang.

Syarat Penyertaan

1. Kategori 1: Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
2. Kategori 2: Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas, dan bukan kakitangan MPOB
3. Panjang esei di antara 500 - 700 patah perkataan
4. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport
5. Keputusan juri adalah muktamad
6. Tarikh tutup penyertaan ialah



Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem **menyampaikan bantuan baja kepada pekebun kecil sawit** sempena majlis perasmian Persidangan Pekebun Kecil dan Usahawan Komoditi Kebangsaan 2015 di Kuching, Sarawak. Turut kelihatan Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang dan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas.



Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah Kasnon turut melakukan **pemeriksaan kandungan glukosa dalam darah** yang diadakan sempena pameran Program Jom Bersama MPOB Semarakkan Sawit di Sungai Besar, Selangor sambil diperhati Datuk Dr Choo Yuen May.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas **bergambar bersama delegasi Ahli Parlimen Iran** yang diketuai Ketua Suruhanjaya Pendidikan dan Penyelidikan Parlimen Iran, Mohammad Mahdi Zahedi (empat dari kanan). Turut sama Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Himmat Singh dan Datuk Dr Choo Yuen May.



Datuk Dr Choo Yuen May bergambar bersama **delegasi Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia (ACCIM)** yang melakukan kunjungan ke Ibu Pejabat MPOB di Bangi, baru-baru ini.



Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Himmat Singh, Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia, Dato' Tajuddin Atan ketika **melawat pameran yang diadakan sempena Palm and Lauric Oils Conference & Exhibition Price Outlook 2015 (POC2015)** di Kuala Lumpur.